

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 30/6/2016

Muka surat: 11

Tajuk : Pelajar Sarawak wakil Malaysia ke Copenhagen



SUMBANGAN... Dato Sri Wong (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan berbentuk cek kepada Profesor Dr. Norsiah (dua dari kanan) di Bangunan Baitulmakmur (MASJA) kelmarin.

Pelajar Sarawak wakil Malaysia ke Copenhagen

KOTA SAMARAHAN: Pelajar negeri ini, Benjamin Wong Yi Ren, 17, akan mewakili Malaysia sekali gus menentang peserta daripada 45 negara dalam 'International Brain Bee Challenge' di Copenhagen, Denmark pada 30 hingga 4 Julai depan.

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam kenyataan akhbar semalam menyatakan, Wong adalah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist Sibu, sebelum ini mengalahkan lebih 1,005 pelajar sekolah menengah bagi pertandingan 'Malaysia Brain Bee Challenge' (MBBC) pada Mei lepas.

"Kejayaan Wong sekali gus menempa sejarah kerana pertandingan ini adalah kali pertama disertai oleh peserta dari Sarawak dan penyertaan pertama terus membuahkan hasil sebagai juara," kata kenyataan tersebut.

Menurut kenyataan itu, MBBC bermula sejak 2012 bertujuan memberikan pendedahan awal ilmu dan bidang neurosains kepada pelajar sekolah menengah di Malaysia melalui pertandingan kuiz.

Bagi projek peringkat Sarawak, ia adalah kolaborasi antara UNIMAS dan Universiti Sains Malaysia (USM) diketuai Prof. Madya Dr Norsiah Fauzan.

Program ini juga salah satu inisiatif UNIMAS untuk memupuk minat pelajar Sarawak dan seterusnya melahirkan generasi berpengetahuan dan kompetitif dalam bidang neurosains.

Sehubungan itu delegasi UNIMAS terdiri daripada Penolong Naib Canselor UNIMAS (Keterlibatan Industri dan Komuniti) Profesor Madya Dr Mohammad Ibrahim Safawi Mohammad Zain, Pensyarah Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia UNIMAS

Profesor Madya Dr. Norsiah Fauzan dan Penolong Pendaftar Dayangku Zyzy Awang Rahmat melakukan kunjungan hormat terhadap Menteri Kewangan Kedua, Dato Sri Wong Soon Koh di Pejabat terletak di Bangunan Baitulmakmur (MASJA) kelmarin.

Kunjungan tersebut sebagai tandà berterima-kasih kepada Dato Sri Wong Soon Koh yang menyumbang RM10,000 menerusi Pusat Khidmat Komuniti Bawang Assan, kepada Benjamin Wong Yi Ren untuk kegunaan perbelanjaan dan perjalanan Benjamin Wong Yi Ren dan kumpulan pengiring dalam pertandingan itu.

Antara menyumbang lain yang membantu dalam perbelanjaan untuk Benjamin dan kumpulan pengiring adalah Pusat Pembangunan Pendidikan Yayasan Sarawak dan Pusat Khidmat P194 Petra Jaya.

Disec
Baha